

SPR bermesyuarat 6 Mac mengenai kerusi DUN Balingian

Malaysian Insider

Feb 27, 2014

OLEH THE MALAYSIA INSIDER

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengadakan mesyuarat khas pada 6 Mac bagi membincangkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Balingian, Sarawak yang akan dikosongkan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud esok.

Mesyuarat yang dijadual bermula 10 pagi itu akan dipengerusikan Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof (gambar) di ibu pejabat SPR, Putrajaya.

Ia akan diikuti dengan sidang akhbar selepas itu, kata Setiausaha SPR Datuk Abdul Ghani Salleh dalam kenyataan di Kuala Lumpur hari ini.

Beliau juga memaklumkan bahawa SPR telah menerima pemakluman rasmi daripada Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak semalam berkenaan pengosongan kerusi DUN Balingian oleh penyandanginya Taib, yang berkuatkuasa esok, 28 Februari.

Taib yang berkhidmat sebagai ketua menteri Sarawak sejak 1981 akan melepaskan jawatan secara rasmi esok.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/spr-bermesyuarat-6-mac-mengenai-kerusi-dun-balingian>